


e-Bulletin ACIS

Edisi
1/2020

<https://acis.uitm.edu.my/>
<https://www.facebook.com/acis.uitm>
e-ISSN 2735-0991





Bengkel **Training Of Trainers** *Kursus Falsafah & Isu Semasa*

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan kursus Mata Pelajaran Universiti (MPU) baharu iaitu Falsafah & Isu Semasa (CTU552) dan Penghayatan Etika & Peradaban II (CTU554) di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Penawaran kursus-kursus MPU baru ini selaras dengan hasrat kementerian untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai pemikiran kritis dalam kalangan mahasiswa, menilai isu-isu semasa dan pembinaan insan yang beretika iaitu seimbang dan holistik dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) diamanahkan untuk mengendalikan kursus-kursus MPU ini di peringkat universiti di seluruh negara.

Bagi meningkatkan kefahaman mengenai kursus baharu ini, ACIS Kampus Shah Alam telah menganjurkan Bengkel ToT Kursus Falsafah dan Isu Semasa ini pada 7 - 8 Februari 2020 di Dewan Sri Impian Hotel UiTM Shah Alam. Bengkel ini telah dihadiri oleh 200 orang pensyarah ACIS dari seluruh kampus cawangan. Objektif utama penganjurkan bengkel ini ialah menjelaskan kandungan silibus kursus Falsafah dan Isu Semasa selaras dengan misi dan visi kementerian, mewujudkan sesi perkongsian idea dalam kalangan tenaga pengajar dan memantapkan pengajaran dan pembelajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa di peringkat Sarjana Muda.





Perkongsian dalam Bengkel ToT ini telah disampaikan oleh empat orang penceramah pakar dalam kursus MPU ini iaitu Prof. Madya Dr. Amran Muhammad, Dekan Pusat Kajian Sastera Kemanusiaan dan Sains Sosial, Asia E University dengan tajuk, 'Kerangka Pengajian Kursus Falsafah dan Isu Semasa', Dr. Mohd Farid Mohd Shahrar dari Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan tajuk, 'Kaedah Berfikir'. Manakala tajuk berkaitan Aplikasi e-Learning dalam Pelaksanaan Kursus MPU disampaikan oleh Dr. Hj Ahmad Nasir Mohd Yusoff dari Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia dan Dr. Nasruddin Yunus dari Pusat CITRA Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menyampaikan tajuk 'Pelaksanaan High Impact Educational Practice (HIEPs) dan Best Practices untuk Kursus Falsafah dan Isu Semasa'.

Pengisian bengkel ini menjadi lebih bermakna apabila YBhg Professor Ts. Dr. Haji Mohammad Kamal Haji Harun, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antara-bangsa) (TNCA) UiTM telah sudi menyampaikan tajuk 'Education 5.0 @ UiTM: Forging Ahead with Purpose'. YBhg. Prof banyak menyentuh peranan pensyarah ACIS yang sangat penting dalam menanam adab dan membina jatidiri pelajar UiTM agar mereka mempunyai kemahiran berfikir yang betul, amanah dalam tugas terutama apabila mereka masuk ke alam pekerjaan kelak.





اَوَّلُ مَا يَنْبَغِي لَكُمْ لَوْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan,
MALAYSIA
Emel: korporatacis@uitm.edu.my

Terbitan
Jawatan Kuasa Perhubungan
Korporat & Media ACIS



UiTM *di hatiku*